

# **SISTEM PENILAIAN HAFAZAN PENGAJIAN TAHFIZ SEPENUH MASA (e-HUFFAZ)**

Khairul Azri b Shahrul Nizam

Rohizah Abd. Rahman

## **ABSTRAK**

Di Malaysia, terdapat sesetengah golongan ibu bapa menghantar anak mereka ke sekolah tahfiz bagi mendapatkan pembelajaran berkaitan al-Quran dan ilmu agama serta menguasai 30 juzuk al-Quran. Walaupun kita sekarang di dalam era yang penuh dengan pembangunan dan penggunaan teknologi dan sistem maklumat, kebanyakan guru di sekolah tahfiz masih membuat penilaian hafazan pelajar ataupun dipanggil kaedah tasmik secara tradisional menggunakan buku rekod. Jika dibandingkan dengan kaedah penilaian pengajian sedia ada yang telah dibangunkan yang dilaksanakan melalui catatan buku rekod agak kurang sesuai digunakan pada masa sekarang terutama apabila berdepan dengan pandemik Covid-19. Sistem Penilaian Hafazan Pengajian Tahfiz Sepenuh Masa (e-Huffaz) adalah sistem berasaskan web yang dibangunkan bertujuan membantu memudahkan para guru membuat penilaian hafazan tasmik pelajar dengan lebih efisien berasaskan teknologi. Guru boleh mengemaskini kemajuan tasmik pelajar secara berkala. Hasil kemajuan tasmik pelajar boleh dipaparkan secara visual. Selain itu, para pelajar boleh membuat aktiviti iaadah dan murajah secara dalam talian dengan mengemaskini maklumat aktiviti mereka di dalam sistem. Ibu bapa juga boleh memantau prestasi hafazan anak-anak mereka dari semasa ke semasa. Sistem ini dibangunkan menggunakan model Agile kerana model ini adaptif terhadap perubahan aktiviti dan pengembangan evolusi. Bahasa pengaturcaraan yang digunakan adalah PHP, Javascript, HTML dan CSS. Secara keseluruhannya, pembangunan sistem e-Huffaz ini dapat memudahkan proses guru untuk membuat penilaian hafazan tasmik pelajar dan juga memudahkan ibu bapa untuk memantau prestasi hafazan anak mereka di sekolah tahfiz sepenuh masa.

## 1 PENGENALAN

Di Malaysia, sejak kebelakangan ini tradisi membaca dan menghafaz al-Quran semakin berkembang pesat dan mendapat sambutan yang luar biasa. Perkara ini terbukti apabila perkembangan ini menyaksikan penubuhan banyak pusat tahfiz atau lebih dikenali dengan gelaran maahad tahfiz di seluruh negara. Maahad tahfiz al-Quran adalah sebuah institusi pendidikan yang menawarkan pengajian dalam bidang al-Quran dan tahfiz al-Quran. Pada peringkat permulaan, pendidikan maahad tahfiz sering dipandang sepi oleh segelintir masyarakat kerana ramai beranggapan bahawa maahad tahfiz ini tidak menjamin masa hadapan pelajarinya berbanding dengan pelajar dari sekolah aliran sains dan sastera. Mereka juga dipandang rendah kerana mereka kurang fasih berbahasa Inggeris disamping lemah dalam kemahiran berkomunikasi dan bersosial seterusnya mereka disifatkan hanya layak menjadi imam masjid.

Walaupun bagaimanapun, tanggapan seperti itu kian berubah kerana kebanyakan masyarakat mula sedar betapa pentingnya pendidikan agama pada masa sekarang. Permintaan ibu bapa yang sangat tinggi untuk menghantar anak-anak mereka ke maahad tahfiz telah menunjukkan bahawa umat Islam di negara ini telah sedar akan kedudukan, kebaikan dan martabat para huffaz. Perkara ini juga telah menjadi faktor ibu bapa untuk menempatkan anak mereka di maahad tahfiz. Pada masa yang sama, sistem pengajian di maahad tahfiz telah berkembang dengan mereka memiliki pelajaran dwi sistem iaitu sistem keagamaan dan sistem akademik di mana setanding dengan kehendak pasaran global. Gelaran “al-hafiz” atau “al-hafizah” telah dipandang tinggi oleh seluruh masyarakat dan mereka juga sangat tinggi nilainya di sisi Allah s.w.t (Ismail 2018).

Walaupun kita sekarang di dalam era yang penuh dengan pembangunan dan penggunaan teknologi dan sistem maklumat, kebanyakan guru di sekolah tahfiz masih membuat penilaian hafazan pelajar ataupun dipanggil kaedah tasmik secara tradisional menggunakan buku rekod. Para pelajar tahfiz masih mencatat aktiviti iaadah dan murajaah mereka ke dalam buku rekod. Manakala, pihak maahad tahfiz pula juga masih mengedarkan borang makluman atau surat kepada ibu bapa pelajar untuk sebarang pemberitahuan berkaitan prestasi hafazan anak mereka di maahad tahfiz secara manual. Ini kerana, maklumat ini amat penting bagi memastikan tiada permasalahan berlaku sepanjang pelajar tahfiz belajar di maahad tersebut.

## 2 PENYATAAN MASALAH

Penglibatan ibu bapa dalam pendidikan tahfiz anak-anak adalah amat penting bagi memastikan pendidikan hafazan mereka adalah dalam keadaan yang baik dan potensi bakat dapat diasah pada usia muda. Namun, ibu bapa hanya mendapat tahu akan perkembangan hafazan anak mereka apabila mereka menerima laporan daripada guru tahfiz. Ibu bapa tidak dapat melihat prestasi hafazan anak-anak mereka secara berkala. Ramai ibu bapa yang mempunyai masalah untuk menghubungi pihak maahad tahfiz kerana kesuntukan masa dan sibuk bekerja. Pemasalahan juga berlaku apabila maklumat penilaian hafazan pelajar hilang kerana sistem pemfailan tidak teratur menyebabkan laporan prestasi hafazan anak-anak yang diberikan kepada ibu bapa tidak lengkap. Menurut Bergman (2021), penyampaian maklumat yang lemah kepada ibu bapa akan menyebabkan prestasi, personaliti dan tahap disiplin pelajar menurun (Bergman 2021).

Pemasalahan seterusnya ialah pelajar maahad tahfiz tidak boleh membuat aktiviti-aktiviti seperti iaadah dan murajaah secara bersemuka apabila berdepan dengan pandemik Covid-19. Aktiviti iaadah dan murajaah sangat penting bagi pelajar tahfiz kerana ia merupakan faktor yang penting bagi seseorang pelajar tahfiz dalam menguasai ilmu al-Quran. Sebagai seorang hafiz al-Quran, menjadi satu kewajipan bagi mereka serta amat penting bagi mereka untuk memelihara dan menjaga hafalannya agar terus kekal dalam ingatan. Namun apabila pandemik Covid-19 bermula, telah mengakibatkan aktiviti iaadah dan murajaah pelajar tahfiz tidak berjalan seperti biasa. Pemasalahan ini membuktikan bahawa kaedah iaadah dan murajaah secara bersemuka tidak lagi relevan dilakukan ketika berlakunya musim pandemik.

Oleh itu, berdasarkan permasalahan yang dinyatakan di atas, projek ini dijalankan untuk membangunkan satu sistem penilaian hafazan di maahad tahfiz yang diyakini dapat membantu menyelesaikan masalah guru membuat penilaian hafazan pelajar ataupun dipanggil kaedah tasmik secara tradisional menggunakan buku rekod, masalah pemantaun dan kemajuan prestasi hafazan anak-anak oleh ibu bapa dan juga memudahkan para pelajar untuk mengemaskini maklumat aktiviti iaadah dan murajaah mereka. Jurang komunikasi antara pihak maahad tahfiz dan ibu bapa juga dapat dirapatkan dan kualiti pendidikan yang disampaikan juga terjamin.

### 3 OBJEKTIF KAJIAN

Objektif bagi kajian ini adalah seperti berikut:

- i. Membangunkan sistem penilaian hafazan Al-Quran.
- ii. Menilai kebolegunaan sistem penilaian hafazan Al-Quran.

### 4 METODOLOGI KAJIAN

Metodologi yang digunakan dalam membangunkan sistem ini adalah model Agile. Metodologi ini dipilih kerana kaedah ini menjangkakan perubahan dan lebih fleksibel berbanding kaedah tradisional. Perubahan kecil boleh dibuat tanpa perlu membelanjakan kos yang tinggi atau melakukan pemindaan jadual (Fowler & Highsmith 2001). Model Agile mengutamakan penglibatan pelanggan dalam membangunkan sistem ini sejak dari awal proses pembangunan. Objektif utama kaedah ini adalah untuk memastikan pelanggan terlibat secara langsung dalam setiap fasa pembangunan agar mereka berpuas hati dengan produk akhir projek ini. Sistem ini juga perlu dibangunkan dalam masa yang singkat, jadi model Agile amat bersesuaian dalam proses pembangunan sistem ini. Rajah 1 menunjukkan kitaran Metodologi Agile sistem ini.



Rajah 1 Kitaran Metodologi Agile

#### **4.1 Fasa Analisis Keperluan**

Pada fasa ini, perbincangan dan keperluan sistem dianalisis seterusnya direkodkan dalam dokumen spesifikasi keperluan sebagai asas bagi pembangunan sistem di masa hadapan. Matlamat fasa ini ialah untuk merekod keperluan sistem yang dibangunkan.

#### **4.2 Fasa Reka Bentuk**

Spesifikasi keperluan dari fasa kajian keperluan dikaji di dalam fasa ini dan reka bentuk disediakan. Reka bentuk sistem membantu dalam menentukan keperluan perkakasan atau perisian bagi menentukan keseluruhan seni bina sistem. Ia menggariskan keperluan reka bentuk teknikal seperti bahasa pengaturcaraan, sumber data, seni bina dan perkhidmatan.

#### **4.3 Fasa Pembangunan**

Sistem ini dibangunkan dalam modul atau unit yang kecil sebelum dilaksanakan bersama. Melalui input dari reka bentuk sistem, bahasa pengaturcaraan yang paling sesuai ditentukan berdasarkan sistem dan keperluan seni bina. Pengekodan dilakukan berdasarkan garis panduan dan piawaian.

#### **4.4 Fasa Pengujian**

Pengujian yang baik dapat membantu menghasilkan sistem yang berkualiti tinggi, pelanggan yang lebih senang, kos penyelenggaraan yang lebih rendah, prestasi yang lebih tepat dan boleh dipercayai. Ini adalah aktiviti yang sangat penting dan dapat menilai kualiti projek pembangunan sistem. Dengan input dari reka bentuk sistem, sistem ini pertama kali dikembangkan dalam program kecil yang disebut unit, yang disatukan ke fasa berikutnya. Setiap unit dikembangkan dan diuji fungsinya yang disebut sebagai pengujian unit.


#### **4.5 Fasa Penyelenggaraan Sistem**

Penyelenggaraan sistem adalah aktiviti yang sangat luas yang merangkumi pembedulan ralat, peningkatan kemampuan, dan kecekapan. Ia adalah fasa yang mencabar dan harus dihadapi oleh setiap pembangun sistem ketika sistem tersebut digunakan dan dipasang ke laman web pelanggan. Masa dan usaha yang diperlukan amat penting untuk mengekalkan program operasi selepas pelancaran. Tujuan fasa ini adalah untuk mengekalkan nilai prestasi sistem dari masa ke masa.

## 5 HASIL KAJIAN

Bahagian ini akan menerangkan hasil daripada proses pembangunan sistem penilaian akademik dan sahsiah kanak-kanak prasekolah. Reka bentuk antara muka pengguna akan diterangkan dengan teliti dalam bahagian ini. Secara umumnya, antara muka pengguna merupakan platform yang membolehkan pengguna berinteraksi dengan sistem. Antara muka amat penting, kerana ia adalah tanggapan pertama kepada pengguna terhadap sistem yang dibina. Reka bentuk antara muka pengguna bertujuan untuk menyediakan antara muka yang mudah difahami dan mesra pengguna agar pengguna dapat menggunakan fungsi-fungsi pada sistem dengan baik. Projek ini menggunakan perisian Sublime Text untuk menjalankan aktiviti pengaturcaraan dan pembangunan sistem penilaian akademik dan sahsiah kanak-kanak prasekolah. Bahasa pengaturcaraan yang digunakan adalah PHP, CSS, HTML, MySQL dan JavaScript. Antara muka sistem dan fungsi utama sistem direka dan diimplementasikan melalui Sublime Text dan XAMPP.

Rajah 2 di bawah menunjukkan halaman log masuk pengguna yang dimana pengguna perlu memasukkan emel dan kata laluan yang berdaftar untuk melog masuk ke dalam sistem. Jika maklumat log masuk yang diisi adalah betul dan berdaftar, pengguna akan berjaya log masuk kedalam sistem dan halaman utama sistem akan dipaparkan.



Rajah 2 Halaman Log Masuk

Seterusnya adalah fungsi daftar akaun. Fungsian pendaftaran akaun ini hanya boleh digunakan oleh pentadbir. Bagi mendaftar akaun baru, pentadbir perlu mengisi kesemua maklumat yang

dinyatakan dalam Rajah 3 dan seterusnya menekan butang daftar. Pentadbir boleh mendaftarkan akaun bagi pihak ibu bapa, pelajar dan juga guru.

The screenshot shows the 'Tambah Pengguna' (Add User) form in the PENTADBIR system. The form is titled 'Tambah Pengguna' and is part of the 'Sistem Penilaian Hafazan Pengajian Tahfiz Sepuluh Masi (e-Hafiz)' application. The form includes the following fields and options:

- Name:** A text input field.
- Email:** A text input field.
- Password:** A text input field.
- Kata Laluan:** A text input field.
- Peranan Pengguna (User Role):** A dropdown menu with options: 'Guru', 'Ibu Bapa', and 'Pelajar'.
- Sahkan Kata Laluan (Confirm Password):** A text input field.
- Avatar:** A section for adding a profile picture, including a 'Browse' button and a circular placeholder.

At the bottom of the form, there are two buttons: 'Daftar' (Register) and 'Batal' (Cancel). The footer of the application shows 'Copyright © 2022 Khairi@UKM. All rights reserved.' and 'Sistem Penilaian Hafazan Pengajian Tahfiz Sepuluh Masi (e-Hafiz) 12044-05 Jun 2022'.

Rajah 3 Halaman Daftar Akaun


Rajah 4 dan Rajah 5 menunjukkan halaman penilaian dan halaman kemaskini tasmik pelajar-pelajar yang boleh dilakukan oleh guru ke atas setiap pelajar-pelajarnya. Bagi melakukan penilaian terhadap pelajar-pelajar, guru hendaklah menambah nama pelajar baharu yang ingin dinilai dengan menekan tab 'Tambah'. Seterusnya, guru boleh melakukan penilaian tasmik pelajar dan juga mengemaskini maklumat tasmik mereka. Kemaskini penilaian akan berjaya direkodkan apabila guru mengisi semua maklumat pada borang yang disediakan dengan lengkap dan menekan butang 'Simpan'.

The screenshot shows the 'Tasmik Baru' (New Tasmiq) form in the PENDIDIK system. The form is titled 'Tasmik Baru' and is part of the 'Sistem Penilaian Hafazan Pengajian Tahfiz Sepuluh Masi (e-Hafiz)' application. The form includes the following fields and options:

- Pelajar Baru (New Student):** A text input field.
- Status:** A dropdown menu with the option 'Sahaja Tasmiq'.
- Tarikh Mula Tasmiq (Tasmiq Start Date):** A date picker field.
- Tarikh Diangka Tamat (Tasmiq End Date):** A date picker field.
- Pelajar Pelajar (Teacher):** A dropdown menu with the option 'Pilih salah satu'.
- Pelajar yang Berkecuali (Exempt Student):** A dropdown menu with the option 'Pilih salah satu'.
- Kata (Text):** A rich text editor area for adding notes or comments.


At the bottom of the form, there is a 'Simpan' (Save) button. The footer of the application shows 'Copyright © 2022 Khairi@UKM. All rights reserved.' and 'Sistem Penilaian Hafazan Pengajian Tahfiz Sepuluh Masi (e-Hafiz)'.

Rajah 4 Halaman Penilaian Tasmik Pelajar-Pelajar




Rajah 5 Halaman Kemaskini Tasmik Pelajar-Pelajar

Seterusnya adalah halaman kemaskini maklumat iaadah dan murajaah pelajar-pelajar. Maklumat ini boleh dikemaskini oleh pelajar bagi membenarkan mereka untuk membuat penghantaran aktiviti iaadah dan murajaah mereka. Rajah 6 dan Rajah 7 menunjukkan halaman kemaskini maklumat iaadah dan murajaah pelajar-pelajar. Kemaskini maklumat aktiviti tersebut akan berjaya direkodkan apabila pelajar mengisi semua maklumat pada borang yang disediakan dengan lengkap dan menekan butang 'Hantar'.




Rajah 6 Halaman Kemaskini Maklumat Iaadah






Rajah 7 Halaman Kemaskini Maklumat Murajaah

Selain itu, ibubapa boleh melihat prestasi tasmik anak mereka. Bagi melihat prestasi tasmik anak mereka ibubapa perlulah butang 'Lihat' sebelah nama pelajar pada menu 'Prestasi Tasmik Anak' pada Rajah 8 di bawah.




Rajah 8 Halaman Melihat Prestasi Tasmik Pelajar-Pelajar

Rajah 9 dan Rajah 10 menunjukkan halaman melihat aktiviti iaadah dan murajaah yang telah dilakukan oleh semua pelajar. Bagi melihat maklumat aktiviti iaadah dan murajaah pelajar, guru hendaklah menekan tab 'Senarai Aktiviti Pelajar' pada menu Iaadah atau Murajaah.



Kod & Nama Pelajar	Rakan Iaadah	Tarikh Hantar	Muka Surat
S01	Alin	Jun 24, 2022	1
S02 Syafiq Kyle	Baim	Jun 13, 2022	1
S02 Syafiq Kyle	Baim	Jun 14, 2022	1
S03 Zul Baim	Hazirah Aisyah	Jun 07, 2022	1
S03 Zul Baim	Syafiq Kyle	Jun 12, 2022	1

Rajah 9 Halaman Melihat Aktiviti Iaadah Pelajar-Pelajar



Kod & Nama Pelajar	Tarikh Hantar	Muka Surat
S01	Jun 24, 2022	1
S02 Syafiq Kyle	Jun 13, 2022	1
S02 Syafiq Kyle	Jun 14, 2022	1

Rajah 10 Halaman Melihat Aktiviti Murajaah Pelajar-Pelajar

## 6 KESIMPULAN

Sistem e-Huffaz telah dibangunkan dengan objektif membantu memudahkan guru membuat penilaian serta menyampaikan maklumat terkini kepada ibu bapa berkaitan prestasi hafazan anak-anak mereka. Sistem ini juga dibangunkan untuk membantu memudahkan para guru membuat penilaian hafazan tasmik pelajar dengan lebih efektif menggunakan teknologi web. Sistem e-Huffaz yang dibangunkan telah membantu ibu bapa untuk melihat laporan kemajuan prestasi hafazan anak-anak mereka dari semasa ke semasa. Reka bentuk pangkalan data juga ditambah baik beberapa kali untuk mempertingkatkan kualiti sistem e-Huffaz.

Kesimpulannya, objektif projek ini telah dicapai walaupun terdapat beberapa pembatasan pada sistem untuk mencapai kualiti yang dikehendaki. Penambahbaikan perlu dilakukan agar sistem ini menjadi lebih stabil dan pengguna menjadi lebih selesa dan yakin untuk menggunakan e-Huffaz secara lebih baik.

## 7 RUJUKAN

Bergman, P. (2021). Parent-child information frictions and human capital investment: Evidence from a field experiment. *Journal of Political Economy*, 129(1), 000-000.

Fowler, M., & Highsmith, J. (2001). *The Agile Manifesto*. *Software Development*, 9(8), 28-35.

Ismail, S., (2018). Sejarah Perkembangan Dan Status Terkini Pengajian Tahfiz Di Malaysia: Manhaj Dan Model. Muzakarah Institusi Tahfiz NegaraAt: *Kompleks Dakwah Darul Murtadha Sungai Petani Kedah*. Retrieved from [https://www.researchgate.net/publication/328730283\\_sejarah\\_perkembangan\\_dan\\_status\\_terkini\\_pengajian\\_tahfiz\\_di\\_malaysia](https://www.researchgate.net/publication/328730283_sejarah_perkembangan_dan_status_terkini_pengajian_tahfiz_di_malaysia)